



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	10/9/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			

lokal

HM, 10 Sept
2021_24

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmetro.com.my

Dungun

Seorang buruh cedera selepas motosikal ditunggangnya melanggar tapir di Kilometer 90 Jalan Jerangau-Jabor di sini, malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Dungun Superintendan Baharudin Abdullah berkata, kejadian dipercayai berlaku jam 11 malam ketika lelaki berusia 20 tahun itu dalam perjalanan dari arah Al Muktaffi Billah Shah (AMBS) menghala ke Bukit Besi di sini.

Menurutnya, sebaik tiba di tempat kejadian, seekor tapir tiba-tiba melintas menyebabkan penunggang terbabat tidak sempat mengelak lalu melanggar haiwan berkenaan.

"Akibat kemalangan itu, mangsa cedera di belakang badan dan kepala dan dibawa ke Hospital Dungun untuk rawatan manakala tapir berkenaan mati.

"Motosikal Yamaha 135 LC milik mangsa turut rosak teruk termasuk bahagian hadapan akibat rempuhan berkenaan," katanya.



Bertembung tapir malang

Buruh cedera gagal elak haiwan melintas



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia